

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 2 (13)

26 November 2022
30 Rabiulakhir 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 46/2022

**CUTI UMUM PADA 28 NOVEMBER 2022 (ISNIN) BAGI SELURUH MALAYSIA DAN
CUTI PERISTIWA 27 NOVEMBER 2022 (AHAD) BAGI NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM**

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) secara edaran pada 25 November 2022 telah bersetuju dengan penetapan bahawa tarikh **Cuti Umum pada 28 November 2022 (Isnin) bagi seluruh Malaysia** dan **Cuti Peristiwa 27 November 2022 (Ahad) bagi negeri Johor Darul Ta'zim**.

2. Perisytiharan cuti ini adalah selaras dengan Seksyen 8 dan 9, Akta Hari Kelepasan 1951 (Akta 369) yang diperuntukkan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam.
3. Sehubungan dengan itu, semua urusan atau program-program lain yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu diteruskan seperti biasa. Semua staf yang terlibat dengan program yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian.
4. Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua staf Universiti Teknologi Malaysia termasuk di semua kampus cawangan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah